

Publication	Berita Harian	Section/Page No.	
Date	Sabtu, 4 Disember 2021	Lead Article	
Headline	Takaful Malaysia Derma Mesin Dialisis Ringankan Beban Pesakit		

Takaful Malaysia derma mesin dialisis ringankan beban pesakit

Kepala Batas: Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Berhad (STM-KB) atau lebih dikenali Takaful Malaysia menyumbang mesin dialisis kepada Pusat Hemodialisis Masjid At-Taqwa (MAHC) di Taman Bertam Indah, di sini, bagi menampung peningkatan pesakit di pusat dialisis komuniti itu.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan STMKB, Datuk Seri Hassan Kamil, berkata pihaknya memutuskan untuk menyumbang mesin dialisis itu selepas mengetahui MAHC amat memerlukan lebih banyak mesin berkenaan bagi membantu pesakit buah pinggang.

“Sumbangan ini bertepatan pada masanya memandangkan peningkatan bilangan pesakit yang menjalani rawatan di pusat terbabit.

“Kami begitu memahami bahawa kos perubatan meningkat setiap tahun dan untuk mendapatkan rawatan dialisis memerlukan kos yang tinggi,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyerahkan sumbangan mesin berkenaan kepada Timbalan Pengerusi Masjid At Taqwa, Ismail Mohammad, dengan disaksikan Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang, Tun Ahmad Fuzi

Abdul Razak.

Yang turut hadir, Timbalan Ketua Menteri I Pulau Pinang, merangkap Pengerusi Masjid At-Taqwa, Datuk Ir Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman dan Pengerusi Media Prima Berhad (MPB), Datuk Seri Dr Syed Hussian Aljunied.

Mengulas lanjut, Hassan berkata, beliau berharap sumbangan berkenaan turut dapat membantu MAHC menyediakan rawatan dialisis kepada pesakit buah pinggang, terutama daripada keluarga berpendapatan rendah tanpa mengira latar belakang dan agama.

Pada majlis berkenaan, Takaful Malaysia turut menyumbang RM5,000 kepada pihak Masjid At Taqwa dalam menyediakan sokongan kewangan untuk keseluruhan operasi masjid terbabit.

Sementara itu, Ismail berkata, mesin dialisis yang disumbangkan itu berkualiti tinggi, yang menyediakan fungsi lengkap untuk terapi hemodialisis, antaranya penyediaan cepat, masa pembasmian kuman yang dikurangkan dan pemantauan tekanan darah secara automatik.

“Kami amat berterima kasih kepada Takaful Malaysia atas kemurahan hati dan sokongan me-

reka dalam menyumbangkan mesin dialisis.

“Sumbangan ini membolehkan lebih ramai pesakit buah pinggang menerima rawatan dialisis percuma di pusat ini.

“Kami berharap lebih banyak syarikat korporat tampil dan melakukan perkara yang sama kerana jumlah pesakit buah pinggang yang memerlukan rawatan dialisis meningkat,” katanya.



Ahmad Fuzi dan Ahmad Zakiyuddin (dua dari kiri) menyaksikan Hassan Kamil (kanan) menyerahkan sumbangan mesin dialisis kepada Ismail di Masjid At-Taqwa, Taman Bertam Indah, Kepala Batas, semalam. (Foto Danial Saad/BH)



Petugas Pusat Dialisis Masjid At-Taqwa, Taman Bertam Indah, Kepala Batas melihat mesin dialisis yang disumbangkan Takaful Malaysia.